0348
R B781 AAB
MAHATHIR- SKUASY
(I)
KUALA LUMPUR, 2 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERHARAP KEJOHANAN SKUASY TERBUKA DUNIA DISINI AKAN MENJADI +TITIK PERMULAAN+ KEPADA MALAYSIA UNTUK MENJADI TUAN RUMAH KEPADA LEBIH BANYAK KEJOHANAN ANTARABANGSA PADA MASA HADAPAN.

+MALAHAN, ADALAH MENJADI HARAPAN MALAYSIA UNTUK MENJADI TUAN RUMAH KEPADA LEBIH BANYAK KEJOHANAN-KEJOHANAN SUKAN PERINGKAT DUNIA ATAU ANTARABANGSA+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KEJOHANAN SKUASY YANG TERMAHAL DI DUNIA PADA JAMUAN MAKAN MALAM DI HOTEL PAN PACIFIC DI SINI MALAM INI.

KEJOHANAN ITU MENAWARKAN HADIAH AS185,000 (KIRA-KIRA $230,000).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN SEMEMANGNYA MEMBERI SOKONGAN KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKAN TEMPATAN UNTUK MENAWARKAN DIRI MENGANJUR KEJOHANAN-KEJOHANAN DUNIA DAN ANTARABANGSA.

KATANYA, KERAJAAN MEMBERI SOKONGAN TERHADAP SUKAN SECARA UMUM DAN AKAN BERUSAHA MENJADIKAN PERTANDINGAN ANTARABANGSA YANG DIADAKAN DISINI LEBIH MENARIK KEPADA PEMAIN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

PERTANDINGAN SUKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA JUGA MEMBANTU MEWUJUDKAN HUBUNGAN PERSAHABATAN ANTARA INDIVIDU DAN ANTARA NEGARA, KATANYA. -- LAGI
2248MST 02 10 89

0349
R B782 AAB
MAHATHIR - SKUASY 2 KUALA LUMPUR

+MALAHAN, NEGARA-NEGARA YANG SEDANG BERPERANG JUGA MELUPAKAN PERSENGKETAAN ANTARA MEREKA SEMASA BERSUKAN. AHLI SUKAN MUNGKIN TIDAK MENGETAHUI MENGENAI PERKARA ITU TETAPI MEREKA ADALAH PENYUMBANG KE ARAH KEAMANAN DUNIA,+ KATANYA.

+KITA TIDAK BOLEH LUPA BAHAWA SUKAN PING PONGLAH YANG TELAH MENAMATKAN KONFRANTASI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN CHINA YANG BERLARUTAN SELAMA 25 TAHUN, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA KEJOHANAN SEUMPAMA ITU BOLEH MENCETUSKAN MINAT DI KALANGAN RAKYAT DISAMPING MEMPERTINGKATKAN MUTU SESUATU SUKAN SECARA UMUM.

BELIAU BERKATA DENGAN MENGANJURKAN KEJOHANAN SEUMPAMA ITU DI SINI, AKAN MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH DIKENALI.

SEMUA PEMAIN SKUASY TERKEMUKA TERMASUK PEMAIN NOMBOR SATU DUNIA, JAHANGIR KHAN DAN RAKAN SENEGARANYA DARI PAKISTAN, JANSHER KHAN AKAN MENYERTAI KEJOHANAN ITU. KEJOHANAN ITU BERMULA DI SINI ESOK DAN BERAKHIR PADA 7 OKT. -- LAGI
2250MST 02 10 89

0350
R 8783 AAB
MAHATHIR - SKUASY 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MELIHAT KEMAJUAN PEMASANGAN GELANGGANG SKUASY JENIS PERSPEX DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC).

GELANGGANG ITU, YANG DISEWA KHAS DARI NEW ZEALAND? AKAN MULA DIGUNAKAN RABU INI IAITU DARIPADA PERINGKAT SUKU AKHIR KEJOHANAN ITU. -- BERNAMA
2250MST 02 10 89